

Oleh Dr  
**Hasnah Hussiin**



Penulis ialah pensyarah Kanan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, UMP Pahang.

# Eratkan perpaduan

**H**ubungan Etnik sebagai kursus wajib di institusi pengajian tinggi (IPT) merupakan langkah bijak dan patut dipuji.

Subjek ini penting bagi memupuk kesedaran etnik dalam masyarakat pelbagai kaum kepada generasi muda di negara ini. Ini bukan saja memabitkan aspek teori malah praktikal untuk diamalkan dalam kehidupan harian.

Selain itu, kursus ini dapat memenuhi keperluan masyarakat dan aspirasi membentuk masyarakat yang harmoni dan bersatu.

## Asas perpaduan

Bagi merealisasikan cita-cita itu, peranan IPT penting sebagai batu asas untuk memperkasakan hubungan etnik di negara ini.

Contohnya, di Universiti Malaysia Pahang (UMP), pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bagi subjek itu menyeluruh melalui beberapa kegiatan.

Langkah pertama ialah memperkenalkan pelajar kepada konsep dan teori berkaitan hubungan etnik dalam kelas.

Pendedahan terhadap konsep ini bagi membantu pelajar memahami nilai kemanusiaan yang wujud dalam hubungan antara masyarakat berbilang kaum, budaya dan agama.

## Teori dan konsep

Pembelajaran mengenai teori dan konsep hubungan etnik tidak berhenti dalam kelas saja.

Pelajar dikehendaki menyelidik dan membuat tugas mengenai kewujudan konsep berkaitan dalam kehidupan masyarakat.

Aktiviti itu bertujuan mendidik penuntut bahawa yang mereka pelajari walaupun setakat teori amat berguna dalam memahami situasi sebenar yang berlaku dalam kalangan masyarakat negara ini.

## Tugasan berkumpulan

Pelaksanaan bagi subjek ini bukan saja berdasarkan teori di dalam kelas, malah pelajar juga melaksanakan tugas berkumpulan.

Dalam aspek ini, pensyarah akan membahagikan pelajar kepada kumpulan tertentu.

Ahli kumpulan berbilang kaum bagi membiaskan mereka bekerja dalam kumpulan yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Dalam hal ini, mereka bukan saja akan bekerjasama membuat tugas itu bersama-sama, malah berbincang, bertukar pendapat serta memberi dan menerima idea daripada rakan berlainan bangsa.

## Rakam video

Kerjasama ini tidak terhenti setakat itu malah setiap kumpulan dilatih untuk membuat video ringkas mengenai tajuk diberikan dengan memaparkan elemen perpaduan dan teori serta konsep hubungan etnik yang dipelajari.

Sekali lagi pelajar didedahkan secara amali bagi merasa suasana sebenar dalam hubungan antara etnik.

Pelajar bukan saja perlu menguasai teori hubungan etnik malah turut didedahkan dengan latihan amali bagi memastikan objektif perpaduan kaum dan dasar kerajaan tercapai.

Video ringkas dihasilkan dipersembahkan dalam sesi kuliah untuk dikongsi bersama pelajar etnik yang lain.

## Mengupas isu

Aktiviti ini mampu menarik perhatian dan minat pelajar kerana mengupas hubungan etnik daripada pelbagai perspektif berbeza.

Hal ini secara tidak langsung akan memupuk kesedaran etika hidup di negara bermasyarakat majmuk.

Pelaksanaan subjek itu di UMP memberikan ruang kepada pelajar untuk mendalami dan merasai sendiri

realiti hubungan etnik di negara ini.

Aktiviti seterusnya ialah pelajar dipertontonkan tayangan video bertema hubungan etnik.

Melalui aktiviti itu, pelajar dikehendaki menghayati tema, persoalan dan teori hubungan etnik.

Mereka juga perlu merekod apa yang mereka dapati daripada video berkenaan dan markah akan diberikan ber-

dasarkan garapan idea yang bernas dan menarik.

## Senario di luar negara

Selain berbincang mengenai hubungan etnik, pelajar juga mendapat pendedahan mengenai senario hubungan etnik di luar negara.

Mereka berpeluang melihat isu, corak dan perjalanan hubungan etnik di negara lain.

Aspek penting yang dapat dipelajari daripada hubungan etnik di luar negara ialah melai dan menghargai keharmonian kaum di negara sendiri.

Inilah masanya universiti berpeluang mendidik pelajar untuk menghargai keamanan dan keharmonian kaum yang dikecapi negara.



Peranan IPT penting sebagai batu asas untuk memperkasakan hubungan etnik di negara ini.